

BAB 4

Dapatan Kajian

Bab ini akan membentangkan dapatan kajian penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik selama lima minggu. Pembentangan akan dimulakan dengan huraian latar tempat kajian yang meliputi Sekolah Menengah Bukit Mahligai dan Tingkatan Peralihan Harmoni. Seterusnya penyelidik akan membuat pembentangan tentang latar peserta kajian sebelum membentangkan dapatan kajian yang menjurus kepada soalan kajian iaitu :

Sejauh manakah wujudnya permasalahan dan cabaran dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di dalam kelas Peralihan?

4.1 Latar Tempat Kajian

Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai

Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai (bukan nama sebenar) terletak kira-kira 40 KM dari bandar Rawang. Terletak di atas tanah tinggi bersebelahan dengan Sekolah Kebangsaan Bukit Mahligai dan ditengah-tengah kawasan perumahan Bandar Bukit Mahligai. Selain itu sekolah ini juga berdekatan dengan deretan kedai, pejabat, restoran dan klinik. Kedudukannya yang strategik dan pemandangan persekitaran alam semula jadi yang indah menjadikan suasana sekolah ini begitu ceria dan harmoni.

Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai terdiri daripada tiga blok bangunan utama dan telah memulakan operasinya di premis bangunan yang ada sekarang pada 5 Jun 2002 iaitu pada sesi kedua persekolahan setelah beberapa bulan mengalami penangguhan pemindahan bermula dari bulan Mac 2002. Sekolah gred B ini ditadbir oleh seorang Pengetua, Guru Penolong Kanan Akademik, Guru Penolong Kanan HEM dan Guru Penolong Kanan Koko dengan jumlah guru seramai 38 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 36 orang guru siswazah dan dua orang bukan siswazah. Seorang guru telah dipinjamkan ke Pejabat Pendidikan Daerah Gombak sebagai Pegawai Pra-Sekolah. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai terdapat empat orang tenaga bukan pengajar yang terdiri daripada kerani, jurutaip, pembantu am rendah dan pembantu makmal.

Bilangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai ialah 459 orang yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina dan India. Terdapat dua kelas Tingkatan Peralihan, Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Empat manakala Tingkatan Tiga mempunyai tiga kelas. Sesi persekolahan hanya dijalankan pada waktu pagi. Sesi pengajaran dan pembelajaran bermula pada pukul 7.30 pagi dan berakhir pada pukul 1.50 petang pada hari Isnin dan Selasa, pukul 1.10 petang pada hari Rabu dan Khamis dan pukul 12.30 tengah hari pada hari Jumaat.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan untuk para pelajar dan guru. Terdapat sebuah surau yang besar dan selesa dengan kemudahan untuk beribadat. Kantin yang cantik dan ceria dengan persekitaran yang indah, hijau dan tersusun sedap mata memandangi. Bilik guru yang luas, berhawa dingin dan dilengkapi dengan perabot yang baru dan selesa. Selain itu terdapat juga Pusat Sumber, Makmal Bahasa, Bilik Persalinan Pakaian untuk pelajar dan Koperasi Sekolah. Bilik Mesyuarat Wawasan dan

Bilik Mesyuarat PIBG yang berasingan juga diwujudkan. Padang dan gelanggang permainan disediakan untuk kemudahan bersukan dan beriadah. Bengkel KHB dan Makmal Sains untuk melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Lokasi sekolah yang strategik, bangunan sekolah yang indah, kemudahan yang pelbagai, tenaga pengajar yang mencukupi dapat mewujudkan suasana yang selesa untuk proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya membolehkan Sekolah Menengah Kebangsaan Bulit Mahligai beroperasi dengan sempurna dan berkesan.

Kelas Peralihan Harmoni

Kelas Peralihan Harmoni (bukan nama sebenar) terletak di blok yang bertentangan dengan jalan raya. Blok ini juga menghadap deretan pejabat pemaju perumahan, restoran dan pasar mini. Kedudukan kelas ini yang berhampiran dengan laluan kenderaan sedikit sebanyak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah terutamanya bunyian enjin motosikal yang ditunggang laju.

Kelas Peralihan Harmoni dilengkapi dengan enam batang lampu kalimantang dan tiga buah kipas angin. Bagi menambahkan keceriaan kelas, papan kenyataan dilengkapi dengan keratan-keratan akhbar, surat pekeliling, poster dan artikel. Terdapat sudut Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Amalan Bahasa Melayu dan Moral yang disediakan di papan kenyataan belakang kelas manakala di sudut kiri sebelah depan kelas, papan kenyataan dilengkapi dengan jadual waktu dan jadual kebersihan kelas. Di dinding depan bahagian atas papan hitam

tertera moto kelas iaitu "Muafakat Terus Maju" dan "The Best Never Rest". Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan kelas ini telah dihiasi dengan bendera Jalur Gemilang dan logo Hari Kebangsaan.

Terdapat 18 buah kerusi dan meja pelajar yang disusun di dalam tiga barisan. Dalam satu barisan terdapat enam buah kerusi dan meja yang disusun menghadap papan hitam dan tempat duduk guru di tengah kelas. Kerusi meja masih baru dan elok memandangkan sekolah ini baru dibuka. Keadaan di dalam kelas tampak luas berbanding dengan jumlah pelajar dan kerusi meja yang agak kurang dan ini menyebabkan ruang belakang kelas nampak lapang.

Sebanyak 15 orang pelajar yang menjadi warga Peralihan Harmoni. Terdapat tiga orang pelajar perempuan berbangsa Cina. Jumlah pelajar lelakinya adalah seramai 12 orang, sembilan pelajar Cina dan tiga pelajar India. 14 orang pelajar Peralihan Harmoni mendapat pendidikan rendah di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan hanya seorang pelajar yang mendapat pendidikan di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Berdasarkan temu bual dan bukti dokumen kebanyakan pelajar berasal daripada keluarga yang berpendapatan sederhana yang perlu bekerja keras untuk menyara keluarga seperti kata peserta kajian utama "Background sederhana, tak kayu, jenis kena kerja kuat". Ibu bapa pelajar bekerja sebagai pemandu lori, tukang kayu, buruh, tukang rumah dan peniaga gerai makanan. Kebanyakan pelajar Paerlihan Harmoni tinggal di Kampung Baru Kenanga (bukan nama sebenar), seorang pelajar tinggal di pekan Rawang dan seorang di Pangsapuri Bandar Baru Kenanga (bukan nama sebenar).

4.2 Latar Belakang Peserta Kajian

Puan Sim Kok Moi (bukan nama sebenar) berasal dari Kelantan dan sangat fasih berbahasa

Melayu sehingga ada orang yang beranggapan bahawa beliau berbangsa Melayu. Pertuturan yang fasih kadang kala terselit pelet Kelantan, berbaju kurung dan kebaya seperti orang Melayu menyebabkan beliau kelihatan seperti orang Melayu. Puan Sim merupakan lulusan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1994 beliau telah mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di Maktab Perguruan Raja Melewar dengan pengkhususan dalam bidang Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

Setelah menamatkan KPLI beliau diarahkan untuk bertugas di sebuah sekolah menengah di negeri Kelantan. Puan Sim hanya berada di sekolah tersebut selama dua minggu. Ini kerana beliau perlu mengikut suaminya yang diarahkan bertukar ke Kuala Lumpur. Oleh sebab suaminya seorang pegawai tentera, dalam tempoh sembilan tahun bertugas sebagai seorang pendidik Puan Sim telah berpengalaman mengajar di lima buah sekolah. Selain sebagai pendidik di sekolah, Puan Sim juga merupakan ibu kepada empat orang cahaya mata. Beliau mempunyai dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan yang berumur di antara dua hingga sebelas tahun.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai, Puan Sim telah dipertanggungjawab sebagai guru kelas Peralihan Harmoni. Selain mengajar Bahasa Melayu di kelas Peralihan Harmoni, beliau juga mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Dua. Puan Sim juga mengajarkan subjek Moral Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga. Beliau mempunyai 25 waktu pengajaran seminggu. Di samping tugas-tugas pengajaran beliau juga memegang beberapa jawatan penting di sekolah. Puan Sim merupakan Ketua Panitia Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai. Oleh sebab Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai telah dipilih sebagai Pengerusi Panitia Bahasa Melayu Daerah Gombak, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Panitia Bahasa Melayu Daerah.

Dalam bidang kokurikulum Puan Sim telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab sebagai guru penasihat Kadet Polis, Kelab Wartawan dan Kelab Badminton. Beliau juga merupakan guru penasihat rumah Merah. Selain tugas dalam bidang kurikulum dan kokurikulum Puan Sim juga merupakan naib setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai.

Pengalaman dalam mengendalikan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran diperoleh semasa beliau bertugas di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Beliau berada di sekolah tersebut selama tiga tahun. Puan Sim telah dilantik sebagai mentor kepada tiga orang pelajar lembam di sekolah tersebut.

4.3 Permasalahan dan Cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu

Berdasarkan pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen Program Pemulihan Bahasa Melayu yang dijalankan di peringkat sekolah menengah memang menghadapi masalah dan cabaran. Masalah dan cabaran yang berlaku ini disebabkan oleh beberapa faktor dan dilihat dari perspektif peserta kajian utama. Dalam bahagian seterusnya penyelidik akan mengupas permasalahan yang berlaku secara terperinci dan sebab berlakunya permasalahan tersebut.

Masalah utama yang dihadapi dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan adalah berkaitan dengan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang pemulihan. Puan Sim mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang

bidang pemulihan bahasa. Beliau berpengalaman mengajarkan Bahasa Melayu di peringkat menengah rendah dan berpengalaman luas dalam mengajarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Berdasarkan temu bual dengan beliau pada 18 Julai 2003 di bilik guru sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai, "Saya selama ni ambil sastera. BM saya ajar lower form. Dekat SMK Desa Permai saya conquer sastera Tingkatan lima, empat kelas. Kalau sastera expertlah [pakar], memang minat sastera".

Hal ini menyebabkan timbulnya masalah apabila Puan Sim diminta untuk mengajar pelajar-pelajar Peralihan Harmoni yang menghadapi masalah pembelajaran setelah beliau bertukar ke Sekolah Menengah Kebangsaan bukit Mahligai. Seperti kata beliau dalam sesi temu bual yang sama, "Mati kutu saya, tak tahu nak buat macam mana, tak tahu nak ajar macam mana. Di SMK Seri Jaya (bukan nama sebenar) dulu saya pernah jadi mentor ajar budak-budak lembam tapi empat bulan saja. Ada tiga orang budak Tingkatan Satu. Saya ajar diorang di perpustakaan sebelum waktu persekolahan bermula lebih kurang pukul 12.45. Lepas tu kelas tutup sebab budak tak mari dah".

Oleh sebab kurangnya pengalaman dan pengetahuan dalam pendidikan pemulihan beliau mengajar berdasarkan pengetahuan dan pengalaman beliau sebagai seorang guru Bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu, mentor pelajar lembam selama empat bulan serta pengalaman sebagai seorang ibu yang mendidik empat orang anak antara usia dua hingga sebelas tahun. Menurut Puan Sim, "Saya dah habis cara, tak tahu guna apa cara lagi nak mengajar diorang. Tapi sekarang saya puas hati jugak, budak-budak tu dari zero [tidak kenal huruf, tidak tahu membaca] dah tahu baca ABC, dah boleh buat ayat sendiri walaupun tunggang-langgang. Saya mengajar diorang macam ajar anak saya yang sekolah tadika masa awal-awal dulu".

Selain itu peserta kajian juga tidak pernah menghadiri apa-apa kursus yang berkaitan dengan pendidikan pemulihan. Tiadanya pendedahan tentang ilmu pendidikan pemulihan menyukarkan Puan Sim dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kerana kurangnya kemahiran dan keyakinan. Hal ini ditegaskan oleh Puan Sim semasa ditemu bual oleh penyelidik, "Dahlah pengalaman tu tak ada kecuali yang empat bulan di SMK Seri Jaya (bukan nama sebenar), kursus yang berkaitan dengan pemulihan langsung tak pernah. Jadi saya tak mahirlah nak mengajar. Saya ajarlah guna semua cara yang saya tahu, pandai-pandai sendirilah".

Pada pandangan peserta kajian walaupun kurang pengetahuan dan pengalaman dalam pendidikan pemulihan namun beliau berasa seronok dan puas sungguhpun penat mengajar pelajar-pelajar Peralihan Harmoni, "Saya berasa penat kerana habis tenaga, suara, mengajar bersungguh-sungguh, bergerak dari meja ke meja tengok kerja diorang terutamanya pada hari ni tiga periode[waktu]. Budak-budak ni tak boleh buat kerja sendiri perlu dibantu selalu. Puas sebab diorang dah pandai sikit berbanding dulu, boleh beza b-d, m-n, l-r, dah tahu buat ayat pendek walaupun salah lagi. Seronok kerana terhibur dengan pelajar-pelajar Peralihan Harmoni yang keanak-anakan, suka bergurau dan manja inginkan perhatian. Marah, marah jugak".

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Puan Sim dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan licin ialah beban tugas yang berat yang perlu dipikul kerana telah diberi kepercayaan oleh pihak pentadbir sekolah. Sebagai guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Peralihan dan Tingkatan Dua, guru subjek Pendidikan Moral Tingkatan Satu dan Tiga beliau mempunyai 25 waktu pengajaran seminggu. Puan Sim juga merupakan guru tingkatan Peralihan Harmoni yang perlu mengendalikan dan menyelenggarakan kerja-kerja yang berkaitan

dengan rekod latar belakang pelajar, rekod kemajuan pelajar, kutipan yuran, penyerahan dan pemulangan buku SPBT, pengurusan dan kebersihan kelas dan bermacam-macam lagi yang perlu dilakukan oleh seorang guru tingkatan.

Selain itu Puan Sim juga diamanahkan untuk menjadi guru penasihat Kadet Polis, Kelab wartawan dan Kelab Badminton. Beliau juga telah dipertanggungjawabkan untuk memegang jawatan Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai yang sememangnya mempunyai tugas yang berat seperti pengurusan fail, penganalisan prestasi peperiksaan, pencerapan dan penyemakan buku. Memandangkan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai telah dilantik sebagai Pengerusi Panitia Bahasa Melayu Daerah Gombak, Puan Sim secara automatik telah dilantik sebagai Setiausaha Panitia Bahasa Melayu Daerah. Sebagai setiausaha beliau terlibat dengan persiapan untuk mengadakan mesyuarat seperti menghantar surat panggilan mesyuarat, mencatat dan menaip minit mesyuarat.

Satu lagi tugas yang tidak kurang beratnya dan kurang diminati oleh kebanyakan guru yang dipegang oleh Puan Sim ialah Naib Setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Menurut Puan Sim, "Banyak kerja jugaklah sebab boss ya tu [Setiausaha PIBG], Pengerusi Teknik Sukan Daerah. Dia banyak hala ke sukan. PIBG ni banyak serah kat sayalah. Dia expert [mahir] taip, dia taip laju tapi kitalah draf surat, buat laporan. Surat panggilan mesyuarat saya buat, minit mesyuarat saya catat kemudian dia taip".

Berdasarkan pemerhatian penyelidik dan diakui sendiri oleh peserta kajian beliau memang seorang guru yang bertanggungjawab dan tidak tahu mengatakan 'tidak' atau 'tidak boleh'. Seperti Kata Puan Sim dalam temu bual dengan penyelidik, "Mana yang boleh buat kerja, itu yang pulun

sakan[bertungkus-lumus]. Pandai-pandailah nak hidup, tak pandai complain [mengadu], tak pandai nak mengadu, terimalah, telan. Selagi boleh buat, buatlah. Bila orang cakap Puan Sim... dah lemah semangat. Buat, malas nak bertekak. Bila dah tension [tertekan] nangis sendiri. Dah nasib saya. Di sini saya dipolish [digilap], digilap habis. Orang nak tengok bakat kita semua. Nak buat macam mana. Intan terpilih. Cabaran, orang nak kilat kita, biar berkilat bertambah kilat".

Oleh sebab memegang tugas-tugas penting seperti Ketua Panitia Bahasa Melayu dan Setiausaha Panitia Bahasa Melayu Daerah, Puan Sim kerap kali terpaksa meninggalkan pelajar-pelajar Peralihan Harmoni untuk menghadiri mesyuarat, kursus dan seminar pada masa-masa yang sepatutnya digunakan untuk membuat rancangan persediaan dan melaksanakan aktiviti di kelas Peralihan Harmoni. Hal ini diakui oleh peserta kajian melalui temu bual dengan penyelidik pada 28 Julai 2003, "Minggu lepas kursus sukatan baru BM Tingkatan Empat dekat Sepang. Hari tu mesyuarat kat Darul Ehsan saya pergi jugak sesat sebab tak pernah pergi". Menurut Penolong Kanan Akademik, "Dulu kursus sukatan baru sastera kita hantar Puan Sim sebab dia opsyen sastera walaupun sekolah kita tak ada sastera".

Puan Sim sememangnya seorang guru guru yang berdedikasi yang amat bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas beliau. Beliau akan hadir ke sekolah untuk menjalankan tugasnya kecuali keadaan benar-benar terdesak. Hal ini diakui oleh Guru Penolong Kanan Akademik, "Puan Sim kalau dia tak berapa sihat, dapat MC [cuti sakit] dia telefon Kak Ros. Tanya banyak tak cikgu tak datang hari tu. Kalau banyak dia kata tak apalah dia datang walaupun kak Ros kata tak payah datang sebab dah dapat MC [cuti sakit]".

Dalam melaksanakan Program pemulihan Bahasa Melayu di kelas Peralihan satu masalah dan cabaran yang timbul adalah masalah bahan bantu mengajar. Guru menghadapi masalah kekurangan bahan bantu mengajar. Banyak bahan bantu mengajar yang diperlukan untuk menarik minat pelajar dan untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kebanyakan bahan bantu mengajar ini terpaksa dibuat sendiri oleh guru tanpa bantuan orang lain. Hal ini menimbulkan masalah kepada guru terutamanya dari segi masa yang terhad dan kesibukan guru dengan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dalam usaha untuk menyiapkan pelbagai bahan bantu mengajar ini. Guru menyediakan bahan bantu mengajar yang ala kadar bagi membantu pelajar memahami sesuatu konsep. Seperti kata Puan Sim kepada penyelidik apabila ditanya sama ada beliau mendapat kerjasama dari guru lain untuk membuat bahan bantu mengajar, "Tak ada, sebab masing-masing sendiri, kerja banyak. Semua buat kerja. Kerja banyak. Saya pulak tak suka kacau orang. Semua banyak kerja. Sekolah baru. Uruskan macam sekolah besar, cikgu tenaga kurang. Kadang-kadang tak sempat, buat sajalah, asalkan diorang nampak. Macam nak buat rumah, lukis kat papan hitam. Tengok pintu, kita buatlah tanda suruh diorang lukis. Tanya dalam sekolah ada apa, dalam kelas ada apa, so [jadi] buatlah".

Di samping itu keadaan bertambah serius lagi apabila guru menghadapi masalah tidak ada peruntukan kewangan untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan di kelas pemulihan. Guru perlu menggunakan wang sendiri, alternatif lain dan inisiatif lain untuk menyediakan bahan bantu mengajar. Hal ini tidak dinafikan oleh Puan Sim, "Buat sendiri, nak minta duit dekat siapa? Sepatutnya kalau ada peruntukan kerjasama pihak atas, baguslah kita tak penat. Beli manila kad walaupun 60 sen, tiga keping sekali pakai. Bayangkanlah, nak jimat saya guna depan belakang. Kadang-kadang tu ambil paper [surat khabar] buatlah. Selain tu saya bawa objek seperti itik, anak patung, gambar, poster. Budak-budak seronok. Sampai pecah itik, main duduk belakang. Kena

banyak sabarlah". Seperti kata Guru Penolong Kanan Akademik guru perlu kreatif untuk menarik minat pelajar,"Cikgu kena bawa ayam betul,anak patung yang betul-betul bagi memudahkan pelajar faham. Cikgu kena guna objek sebenar".

Kekurangan buku-buku yang sesuai dengan tahap pencapaian pelajar-pelajar Peralihan ini menyebabkan guru terpaksa mencari alternatif lain sebagai bahan bantu pengajaran. Seperti kata Puan Sim,"Saya gunakan buku darjah enam, UPSR beli sendiri. Kadang-kadang pinjam buku tatabahasa, buku tadika anak kemudian fotostat. Fotostat hilang".

Permasalahan lain yang dihadapi oleh peserta kajian dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Peralihan ini ialah kesukaran guru untuk mendapatkan nasihat, bimbingan profesional khasnya untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi dan meningkatkan pengetahuan tentang perkembangan pendidikan pemulihan. Seperti kata Puan Sim," Saya tak tahu nak rujuk siapa, nak minta tolong orang lain diorang pun sibuk banyak kerja, pandai-pandai sendirilah". Memandangkan pendidikan pemulihan hanya dijalankan secara rasmi di peringkat sekolah rendah maka pemantauan dan seliaan daripada pihak yang berkenaan juga kurang. Guru sukar mendapat bahan-bahan rujukan dan buku panduan tentang pemulihan. Pada hari kedua (10 Julai 2003) penyelidik ke Sekolah pengetua menunjukkan Buku Panduan Pemulihan yang baru diterima.

Satu perkara lagi yang berkemungkinan boleh menjejaskan usaha guru pemulihan ialah penyelarasan penilaian. Kertas ujian bulanan dan peperiksaan penggal yang sama diberikan kepada semua pelajar termasuklah pelajar-pelajar Peralihan Harau. Mereka menghadapi masalah pembelajaran ini. Mereka mempunyai kebarangkalian yang tinggi tidak faham

akan soalan disebabkan oleh tahap pencapaian akademik yang rendah dan penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Kegagalan ini secara tidak langsung akan mengesahkan bahawa mereka tidak akan berjaya dalam bidang akademik. Masalah ini diakui oleh peserta kajian, "Mereka tak faham soalan. Bila bagi soalan macam hari itu terkebil-kebil tak tahu nak buat. Kebetulan saya jaga periksa. Kita kena terangkan yang ni buat apa, yang ni buat apa. Kolaj, apa kolaj cikgu. Tambah beliau lagi, "Memanglah budak-budak tu kena jawab kertas soalan sama. Kalau kertas karangan tu memang tak boleh nak jawab. Nak buat macam mana. Markah diorang memang rendah, fail [gagal] pun".

Satu lagi masalah dan cabaran yang tidak kurang hebatnya yang perlu dihadapi oleh peserta kajian dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah ialah sikap dan perlakuan pelajar. Menurut Puan Sim, dalam kelas ni yang betul-betul belajarnya ada enam orang yang lain tu sambil lalu saja, penghias kelas". Berdasarkan pemerhatian penyelidik dan disahkan oleh peserta kajian kebanyakan pelajar Peralihan Harmoni tidak mempunyai semangat dan tidak berminat untuk belajar serta gemar bermain. Mereka tidak memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran guru, bercakap-cakap dengan rakan sebelah semasa cikgu mengajar, tidak membuat kerja yang diberikan oleh guru, tidak membawa buku latihan dan juga buku teks. Mereka bersikap keanak-anakan. Seperti yang dijelaskan oleh Puan Sim, "Diorang memang macam tu, cikgu main boleh tak, tak ada semangat, tak minat. Bila kita lalu dekat dia, dia buka buku. Kita ke depan dia tutup buku. Saya kena gerak selalu tak boleh duduk diam". Tambah beliau lagi dalam temu bual yang dijalankan pada 16 Julai 2003, "Dia budak-budak lagi, badan besar-besar. IQ diorang rendah satu sebab. Peralihan tu budak last-last [lemah], budak yang bahasa Melayu terukkan. Jadi dia masuk sekolah kebangsaan dia susahlah. Sepatutnya dia kalau masuk sekolah aliran Cina tak teruk".

Menurut peserta kajian kurangnya perhatian, ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak kerana sibuk bekerja menyebabkan anak-anak malas, tidak ada daya usaha, tidak bersemangat dan hilang minat belajar. Seperti yang dikatakan oleh Puan Sim kepada penyelidik; "Perkara ini bermula kat rumah, datang dari rumah. Emak diorang tidak titikberatkan pelajaran. Background [latar belakang] sederhana, tak kaya jenis kerja kuat, buka gerai. Ibu bapa sibuk tak ada kat rumah. Malam baru jumpa".

Menurut Puan Sim lagi ibu bapa tahu akan prestasi akademik anak-anak mereka di sekolah dan tidak menaruh harapan bahawa anak-anak itu boleh pergi jauh ke depan. Hal ini dijelaskan oleh sebilangan ibu bapa kepada Puan Sim semasa mereka datang ke sekolah untuk mengambil buku rekod kemajuan anak-anak mereka. Seperti yang diceritakan oleh Puan Sim kepada penyelidik, "Parents [ibu bapa] diorang pun tahu, dia boleh cakap cikgu tahun depan anak saya ni saya nak suruh kerja. Parents dia sendiri tahu anak-anak tak boleh pergi jauh kat sekolah. Susah nak ubah. Ayah diorang kata tak boleh nak buat apa". Semasa tempoh penyelidik membuat kajian seorang pelajar lelaki Peralihan Harmoni telah berhenti sekolah dan sekarang bekerja dengan pak ciknya di Puchong. Penyelidik memperoleh maklumat ini daripada Puan Sim dan rakan baik pelajar berkenaan.

Dari aspek akademik, pelajar-pelajar Peralihan Harmoni pada awalnya tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik. Ada pelajar yang tidak mengenal huruf, ada yang keliru dengan bentuk dan bunyi huruf dan lebih serius lagi tidak memahami maksud perkataan. Seperti yang dijelaskan oleh puan Sim, "Mula-mula dulu diorang tak tahu apa. ABC pun tak tahu baca. Keliru b-d, m-n, l-r, p-b. Makna perkataan tahu. Saya nak

terangkan pun susah. Benda kata rebus, kita masak. Dia tanya apa itu masak cikgu? Kita kena terangkan ambil periuk, masukkan air, masak ubi, letak atas api, tutup 10 minit, masak". Hal ini disokong oleh Guru Penolong Kanan Akademik, "Kalau nak bagi diorang faham, kita kena tunjuk objek yang sebenar atau gambar baru diorang faham. Cikgu bawa ayam. Tunjuk mana peha, mana paruh, kepak baru budak-budak tu nampak".

Berdasarkan pemerhatian penyelidik dan dipersetujui oleh Puan Sim ada pelajar yang terpaksa menggunakan khidmat rakan untuk menterjemahkan perkataan yang diperkatakan oleh guru ke dalam bahasa ibunda. Kebanyakan pelajar lebih selesa berbahasa ibunda walaupun Puan Sim menyuruh mereka berbahasa Melayu dan akan mendenda mereka yang ingkar arahannya itu. Dalam pengajaran simpulan bahasa iri hati setelah diterangkan oleh guru dengan memberi contoh dalam ayat yang mudah masih ada pelajar yang kelihatan terpinga-pinga. Setelah diberitahu oleh rakan dalam bahasa ibunda barulah jelas apa yang diperkatakan oleh guru. Masalah komunikasi timbul di sini.

Kemahiran membaca pelajar-pelajar Peralihan ini agak lemah. Sebutan dan intonasi bacaan tidak tepat dan dipengaruhi dialek bahasa ibunda. Ada sesetengah pelajar merangkak-rangkak mengeja sebelum menyebut sesuatu perkataan. Hal ini jelas kelihatan semasa pemerhatian penyelidik di dalam kelas sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Apabila hal ini dibangkitkan kepada Puan Sim, "Ya, dia baca tak betul, sebutan tak betul, entah mana-mana. Faham lagilah. Yang buat kita geram diorang tak nak cuba, malas. Itu saya suruh eja. Eja ikut suku kata. Eja sekerat-sekerat. Kita tunjuk contoh macam mana nak sebut ni, kamu palang. Kalau satu passage buat, satu passage diorang buat palang. Memang satu masalah, sekarang ni dah retilah sikit. Dulu di hentam saja".

Menurut puan Sim lagi sikap malas mengeja ini juga berpunca dari sistem pembelajaran bahasa Cina. Seperti kata beliau, "Dalam bahasa Cina satu huruf yang ditulis membawa maksud satu perkataan. Jadi pelajar tak payah eja. Dia tengok huruf tu, dia teka apa perkataan tersebut. Jadi bila belajar bahasa Melayu dalam membentuk perkataan ada suku kata, tu yang jadi masalah pada diorang. Berbeza dengan bahasa Cina".

Masalah pelajar untuk memahami apa-apa yang diperkatakan oleh guru menimbulkan kesukaran berkomunikasi. Pelajar jadi terpeinga-pinga tidak faham apa yang diperkatakan. Hal ini dipersetujui oleh Guru Penolong Kanan HEM, "Saya tanya dia, bila jumpa cikgu cakap apa? Dia diam geleng-geleng kepala tak faham. Kemudian saya cakap dengan dia, bila jumpa cikgu ucap selamat sejahtera. Lepas tu baru dia cakap selamat sejahtera cikgu. Kemudian cepat-cepat pergi".

Menurut Puan Sim hubungan rapat beliau dengan pelajar-pelajar Peralihan Harmoni yang menganggap beliau sebagai kawan sedikit sebanyak mendatangkan masalah. Sikap guru yang baik terhadap pelajar telah disalahgunakan oleh pelajar. Seperti kata Puan Sim, "Diorang dah lebih-lebih pulak. Ha, kalau kita letak handbag atas meja dia boleh ambil main-main. Check pencil box. Cikgu bawa apa hari ini. Suka sangat selongkar handbag [beg tangan] terutamanya yang badan besar tu. Cakap dengan dia kamu tak takut ke duit cikgu hilang kata kamu ambil? Dia cakap tak ambillah cikgu. Memang dia tak ambil pun". Tambah Puan Sim lagi, "Dengan cikgu ni tak main [tak takut] dah, sergah macam mana tak takut. Sampai darah mendidih. Dia buat dek [tak kisah] lagi. Cikgu lelaki pun tak takut, memang tak makan saman. Pentadbir dah masak dengan perangai budak-budak Peralihan. Kalau diorang bising masa mereka round [ronda] kena sergah".

Prestasi akademik yang rendah, penguasaan bahasa Melayu yang lemah, tiada semangat dan minat belajar, tiada daya usaha dan malas telah menyukarkan guru menjalankan program pemulihan di dalam kelas. Faktor-faktor yang saling berkait ini memerlukan guru untuk mempunyai kesabaran yang tinggi dalam mendidik pelajar-pelajar yang bermasalah pemebelajaran ini.

RUMUSAN

Dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas tingkatan Peralihan terdapat beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi yang sedikit-sebanyak mengganggu keberkesanan program ini. Antaranya ialah masalah guru kurang pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pendidikan pemulihan, beban tugas yang berat dan kekerapan guru meninggalkan kelas untuk melaksanakan tugas-tugas lain. Selain itu guru juga menghadapi masalah bahan bantu mengajar, kesukaran mendapatkan bimbingan, nasihat dan panduan serta masalah penyelarasan penilaian. Satu lagi masalah besar yang dihadapi oleh guru dalam Program Pemulihan Bahasa Melayu ini adalah berkaitan dengan sikap dan pencapaian pelajar. Sesungguhnya permasalahan dan cabaran yang berlaku ini mendatangkan impak yang tidak sihat sekiranya tidak ditangani segera dengan betul.